PENUTUP

PENUTUP

KESIMPULAN

Kajian ini dapat membuktikan kepada umum bahawa para pemikir Islam, khususnya Ibn Khaldūn dan golongan Neoplatonisme Islam telah berjaya merintis jalan dan menyumbang ke arah salah satu ilmu pengetahuan yang terpenting iaitu sosiologi. Kajian, teori dan pemikiran mereka banyak menyentuh aspek sosial, politik dan ekonomi.

Al-Fārābī diiktiraf sebagai pengasas ilmu politik dan sains kemasyarakatan dalam Islam. Teori-teori sosial beliau kemudian dikembangkan lagi oleh Ibn Sīnā dengan menekankan aspek ekonomi sebagai salah satu sebab pembentukan perhimpunan sosial.

Kesinambungan pemikiran ini diteruskan oleh Ibn Bājjah, tetapi dengan sedikit kelainan, sesuai dengan aliran `falsafah pengasingannya'. Selepas itu Ibn Rusyd melengkap dan memantapkan lagi teori-teori sosial para filsuf sebelumnya.

Para filsuf Neoplatonis Islam ini mempunyai matlamat yang

satu di dalam falsafah sosial mereka. Matlamat mereka adalah untuk mendirikan sebuah Negara Ideal atau Negara Utama. Mereka mengkaji fenomena sosial untuk membawa mereka ke arah pembentukan negara tersebut. Mereka juga menerangkan berbagai-bagai garis panduan untuk dikuti oleh manusia untuk mencapai matlamat ini. Pemikiran ini dikenali sebagai aliran pengajian sosial normatif. Aliran ini berlawanan dengan pengajian secara positif.

Matlamat penyelidikan sosial mereka pula dikenali sebagai aliran `utopianisme'. Antara teori-teori yang menonjol di kalangan mereka adalah teori `*zoo-politikon*' dan teori pembentukan masyarakat. Teori-teori mereka ini memberi sinar baru di dalam penyelidikan sosial pada zaman pertengahan.

Dunia pemikiran sosial bertambah menyinar dengan kehadiran Ibn Khaldūn. Beliau yang dikenali sebagai pengasas ilmu sosialogi, mendapat banyak faedah dari teori-teori sosial para filsuf sebelumnya. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas di dalam teorinya tentang manusia.

Teori `*zoo-politikon*' para filsuf dijadikan asas perbincangan sosial Ibn Khaldūn. Beliau kemudian mengembangkan lagi teori

tersebut dengan mentafsirkan perkataan `fitrah' manusia yang disebut oleh al-Fārābī dengan begitu jelas sekali.

Begitu juga dengan teori pembentukan masyarakat. Para filsuf Neoplatonis Islam menjelaskan sebab-sebab pembentukan masyarakat adalah disebabkan oleh faktor keperluan asasi. Ibn Khaldūn memperakui faktor tersebut dan menambah dua faktor lagi sebagai sebab pembentukan masyarakat. Faktor tersebut adalah faktor keselamatan manusia dari serangan binatang buas dan faktor keselamatan manusia dari serangan manusia lain.

Teori sosial Ibn Khaldūn tidak terhenti setakat itu sahaja. Beliau berjaya menerokai teori-teori sosial baru. Antara teori-teori sosial beliau yang popular adalah:

1. Pengaruh faktor semulajadi (geografi dan iklim) terhadap karakter manusia.
2. Pengaruh faktor penawaran makanan terhadap karakter manusia.
3. Perubahan sosial melalui proses peniruan dan penaklukan.
4. Kesan perkembangan ekonomi terhadap organisasi sosial.
5. Teori pusingan sosial.

6. Teori evolusi manusia dan masyarakat.

Setelah beberapa penelitian dibuat ke atas teori-teori sosial Ibn Khaldūn dan golongan Neoplatonis Islam, penulis berpendapat teori-teori sosial yang ditemui oleh Ibn Khaldūn lebih mantap, saintifik, jelas dan dapat diterima umum.

Ibn Khaldūn mengatasi pemikiran sosial golongan Neoplatonis Islam kerana kajiannya menggunakan pelbagai metodologi. Metod-metod yang digunakan olehnya ialah:

1. Pendekatan pelbagai disiplin ilmu.
2. Metod observasi.
3. Analisa fakta-fakta sejarah yang tercatat.
4. Metod induktif dan diduktif.

Rumusan-rumusan yang didapati dari hasil kajian tersebut diluahkan sebagai teori-teori sosial. Selain itu Ibn Khaldūn juga berjaya menemui hukum-hukum sosial melalui penyelidikan yang telah dilakukannya.

Kenyataan di atas diperkuatkan lagi dengan matlamat sebenar

penyelidikan sosial Ibn Khaldūn. Memang menjadi tujuan sebenar beliau mengkaji fenomena-fenomena masyarakat untuk menyingkap sifat-sifat tabii masyarakat. Menurutnya, sifat-sifat tabii serta fenomena-fenomena sosial sesebuah masyarakat akan tunduk kepada hukum-hukum sosial.

Tujuan pengajian sosial Ibn Khaldūn juga adalah untuk merangka suatu kerja yang dapat digunakan di dalam kritikan penulisan dan pengajian sejarah. Usaha beliau ini telah menyebabkan sejarah dikira sebagai salah satu disiplin ilmu.

Matlamat ulung pengajian sosial Ibn Khaldūn adalah untuk membentuk suatu pengajian baru dan tersendiri. Ilmu tersebut kini dikenali dengan ilmu sosialogi. Dari sini kita dapat melihat keunggulan pemikiran sosial Ibn Khaldūn mengatasi pemikiran sosial Neoplatonis Islam. Usaha Ibn Khaldūn yang mengkaji fenomena sosial sebagai realitinya dikenali sebagai aliran pemikiran '*positivism*'. Aliran pemikiran ini sememangnya menjadi teras pemikiran para saintis sosial moden hingga ke hari ini.

Aliran serta matlamat pemikiran Ibn Khaldūn dan para filsuf Neoplatonis Islam adalah sangat bertentangan, iaitu antara

positivisme dan ***utopianisme***. Ibn Khaldūn dengan jelas menolak aliran pemikiran `***utopianisme***' dan menganggap teori-teori sosial yang berlandaskan pemikiran `***utopianisme***' hanyalah sebagai sebuah hipotesis. Bagi Negara Utama tidak pernah wujud dan terlalu jauh untuk direalisasikan.

Perbincangan di atas menutup perbahasan penulis di dalam penulisan disertasinya yang bertajuk `***Falsafah Sosial Ibn Khaldūn Dan Perbandingannya Dengan Falsafah Sosial Neoplatonis Islam***'.

Penulis berharap kajian ini dapat membuka jalan kepada pengkaji-pengkaji yang berminat di dalam bidang ini, untuk mendalami idea-idea dan hasil kajian penulis untuk memperkayakan lagi khazanah keilmuan kita.

Penulis tidak menganggap hasil kajian ini sebagai sebuah kajian yang terlalu sempurna. Apa yang telah dikemukakan di dalam disertasi ini hanyalah merupakan himpunan idea-idea yang termampu dicurahkan oleh penulis di samping buah fikiran dari penyelia dan rakan-rakan. Akhir sekali penulis berharap hasil kajian ini dapat memberi fáedah kepada kita semua.

SARANAN

1. Penulis menganjurkan agar disertasi ini dapat dijadikan panduan dan bacaan asas untuk sesiapa sahaja yang berminat mendalami bidang sosiologi Islam.

2. Kandungan disertasi ini penuh dengan perbincangan-perbincangan yang terasas di dalam disiplin sosiologi khasnya sosiologi Islam.

3. Penulis berharap penemuan-penemuan baru dalam disertasi ini dapat dikembang dan dihalusi dengan lebih lanjut lagi oleh para pelajar atau sesiapa sahaja yang berminat.

4. Antara perkara yang patut diterokai dan didalami dengan lebih lanjut adalah teori evolusi manusia dan masyarakat oleh Ibn Khaldūn.

5. Teori evolusi manusia dan masyarakat sebenarnya bukan milik penuh pemikir Barat Darwin, tetapi ia pernah difikirkan oleh para pemikir Islam seperti Ibn Khaldūn dan pendahuluannya Ikhwān al-Ṣāfā.

6. Berkemungkinan besar teori evolusi yang ditimbulkan oleh penulis dapat menimbulkan sedikit kontroversi, dari itu penulis menganjurkan usaha-usaha pengharmonian dan kesinambungan idea-idea tersebut dengan ajaran Islam dapat dilakukan.

7. Untuk manfaat semua pihak dan memperkayakan lagi bidang sosial Islam, penulis menyarankan agar diadakan satu seminar antarabangsa mengenai subjek ini. Langkah ini perlu untuk memberi sumbangan besar ke arah Islamisasi ilmu.

8. Penulis juga menganjurkan agar pusat-pusat pengajian tinggi menawarkan kursus sosiologi Islam untuk mencelikkan mata masyarakat terhadap ketinggian martabat para pemikir Islam agar mereka tidak sahaja celik dengan ketokohan ilmuan Barat.

Sekian.

Wassalam.